

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI**
NASARAH
[LENGGONG]

TARIKH : **24 MEI 2016 (SELASA)**

SOALAN :

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) Perkembangan terkini serta keputusan yang telah dibuat mengenai Uber dan Grabcar yang dilihat menjejaskan pendapatan pengusaha teksi di Malaysia; dan
- (b) Berapa jumlah syarikat teksi yang beroperasi di Kuala Lumpur ketika ini dan adakan ianya memuaskan.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan tempahan teksi melalui aplikasi adalah dibenarkan selagi penyedia perkhidmatan (pemandu) menggunakan kenderaan berlesen dan mematuhi undang-undang yang ditetapkan di negara ini. Mana-mana penggunaan kenderaan persendirian untuk perkhidmatan teksi adalah satu kesalahan berdasarkan peruntukan seksyen 16, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.
2. Sehingga kini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) masih mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan seperti tindakan saman dan sitaan kenderaan kepada pihak-pihak yang melanggar syarat dan peraturan. Selain itu, peringatan bertulis turut telah diberikan kepada Pengendali Berlesen yang terlibat untuk berhenti daripada menyediakan perkhidmatan yang melanggar syarat-syarat lesen yang ditetapkan.
3. Bagi langkah penyelesaian masa panjang, S.P.A.D. telah menjalankan satu makmal transformasi teksi bersama agensi-agensi Kerajaan dan juga pihak berkepentingan terutamanya dalam industri ini (*industry player*). Hasil daripada makmal tersebut, S.P.A.D telah memuktamadkan beberapa cadangan inisiatif penambahbaikan industri teksi secara menyeluruh. Kesemua cadangan inisiatif-inisiatif ini sedang diperhalusi dan Kerajaan akan membuat keputusan pada masa terdekat.
4. Polisi baru bagi mengawal selia dan memantau sistem tempahan teksi atas talian melalui aplikasi pintar/mudah alih juga sedang dirangka. Beberapa syarat dan piawaian akan diperkenalkan bagi memastikan semua penyedia aplikasi ini menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pengguna dan dalam masa yang sama memberi manfaat kepada pemandu. Polisi baru ini akan mewujudkan *win-win situation* dan memastikan kesamarataan di antara teksi biasa dan juga pemandu yang menggunakan aplikasi tempahan atas talian. Ini secara langsung

akan meningkatkan mutu perkhidmatan teksi dan sekali gus akan memberi manfaat kepada semua pihak termasuklah pemandu dan juga pengguna.

5. Sementara itu, terdapat sebanyak 232 syarikat teksi yang beroperasi di Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Kajian-kajian yang dibuat serta maklum balas yang diterima dari orang ramai merumuskan bahawa tahap perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur adalah di tahap yang tidak memuaskan.

6. Oleh yang demikian, syarat-syarat baru untuk memantau dan menilai tahap perkhidmatan pengendali dan pemandu teksi turut sedang dirangka. Tindakan susulan akan diambil ke atas mana-mana pengendali atau pemandu yang gagal mematuhi syarat-syarat tersebut bagi memastikan tahap perkhidmatan teksi dalam keadaan yang baik pada setiap masa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- a) secara terperinci mengikut nama 13 negeri, berapakah jumlah pengagihan peruntukan pembangunan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri tersebut di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan pindaan sebanyak RM46.0 billion telah disediakan di bawah *Rolling Plan* Pertama dalam tahun 2016. Peruntukan ini meliputi 4,515 projek iaitu 2,431 projek baru dengan peruntukan sebanyak RM19.9 billion dan 2,084 projek sambungan dengan peruntukan sebanyak RM26.1 billion. Dari segi agihan peruntukan dalam tahun 2016, tidak termasuk peruntukan pelbagai negeri dan luar negeri berjumlah RM21.0 bilion untuk 704 projek, Sabah menerima peruntukan terbesar iaitu sebanyak RM4.5 bilion, diikuti Sarawak sebanyak RM4.0 bilion dan Wilayah Persekutuan sebanyak RM3.0 bilion. Perincian peruntukan mengikut Negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	BIL PROJEK	2016 RM JUTA
Sabah	554	4,546
Sarawak	462	4,033
Wilayah Persekutuan	300	2,990
Pahang	335	2,322
Selangor	289	2,222
Johor	334	2,071
Kedah	216	1,389
Kelantan	250	1,265
Perak	307	1,082

Terengganu	251	1,055
Pulau Pinang	148	689
Negeri Sembilan	157	684
Melaka	125	411
Perlis	83	291

Sekian, terima kasih.